

GAYA PEMBELAJARAN YANG DIGEMARI DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA PSIKOLOGI DI UNIVERSITI SWASTA PERAK

NOR ZORRENEE ZORKARPHY

Open University Malaysia
760909085790@oum.edu.my

MUHAMMAD FAWWAZ FARHAWIZ MOHD JAAFAR

Open University Malaysia
fawih@oum.edu.my

NOR AROMA ABU BAKAR

Open University Malaysia
aroma@oum.edu.my

ABSTRAK

Gaya pembelajaran merupakan tingkah laku yang dimanifestasikan oleh seseorang apabila menggunakan mindanya berinteraksi dengan persekitaran, kemudiannya mengumpul dan memproses maklumat. Gaya pembelajaran ini dapat dikaitkan dengan prestasi seseorang pelajar. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang unik kerana mengikut kesesuaian masing-masing. Para pengajar juga perlu mengetahui gaya pembelajaran yang digemari oleh pelajar dan memberi motivasi kepada pelajar untuk menumpukan terhadap pembelajaran. Maka satu kajian rekabentuk kuantitatif jenis tinjauan telah dijalankan ke atas 80 pelajar jurusan psikologi di salah sebuah universiti swasta di Perak. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar dan hubungannya dengan demografik data. Borang soal selidik berkaitan empat jenis gaya pembelajaran telah digunakan bagi mengumpul data. Data dikumpul dan dianalisis dengan bantuan perisian SPSS. Hasil analisis kajian ini mendapati gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar ialah gaya pembelajaran jenis visual dengan purata min skor=23.48. Kajian juga mendapati, faktor demografi jantina dan bangsa mempunyai signifikan yang positif dengan gaya pembelajaran yang digemari oleh para pelajar tersebut ($p=0.00$; $p<0.05$). Oleh yang demikian, beberapa saranan telah dikemukakan termasuk meningkatkan proses pembelajaran para pelajar seperti menambahbaik polisi pendidikan, memaksimumkan pengintergrasian ICT, pengkorporatan universiti, mempelbagaikan kemudahan serta fasiliti universiti dan mengkaji kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran.

Keywords: *Gaya pembelajaran, Pelajar psikologi, Universiti swasta*

PENGENALAN

Sektor industri pendidikan di negara kita sedang giat berubah secara dinamik dan dianggarkan akan mengalami banyak perubahan dan pembaharuan. Matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dirantau asia dan juga di peringkat antarabangsa pada abad ke 21 ini nanti memerlukan negara ini meningkatkan kecemerlangan imej dan kualiti pendidikannya ke taraf dunia atau memperolehi status "World Class Education". Kejayaan dalam bidang akademik amat menggembirakan bagi seseorang pelajar atau mahasiswa dalam bidang masing-masing. Oleh itu, elemen gaya pembelajaran seseorang sering dikaitkan dalam hal ini. Demikian itu, para pelajar itu sendiri mestilah juga mampu mengenalpasti apakah gaya pembelajaran yang mereka gemari masing-masing. Hal ini kerana gaya pembelajaran yang digemari oleh setiap pelajar adalah berbeza-beza dan tidak sama di antara satu dengan yang lain terutamanya apabila mengaitkan perbezaan jantina, umur, bangsa dan sebagainya. Aspek selaras dengan Bostrom (2011) yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran melibatkan aspek-aspek personaliti, pemprosesan maklumat, interaksi sosial, kecenderungan terhadap garis panduan, tumpuan perhatian terhadap sesuatu yang baru, unik dan terdapatnya kelainan dalam diri individu.

Gaya pembelajaran merupakan pendekatan atau cara bagaimana individu itu belajar dalam memperoleh pengetahuan (Purwanto, 2012). Mengikut Dictionary of Psychology 1973 yang telah diadaptasikan oleh Keri (2009) perbezaan individu dihuraikan sebagai variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku sosial, bakat dan lain-lain aspek yang mungkin terdapat dalam kalangan individu dalam sesuatu kumpulan. Hal ini telah menjelaskan bahawa pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran dan kemahiran. Melalui gaya pembelajaran membolehkan para pelajar menerima input dan memproses maklumat dalam berbagai-bagai cara yang berbeza-beza (Hamachek, 2011). Justeru, rangsangan gaya pembelajaran jenis fisiologikal dan sosiologikal digunakan dalam kajian seperti yang disarankan oleh Reid (2012) dalam inventori pembelajaran. Menurut Research Center on Academic Success [CRIRES] (2009), pencapaian akademik membawa maksud pencapaian pada tahap tertentu yang diperoleh oleh individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan serta kemahiran. Tahap tersebut telah ditetapkan berdasarkan umur, proses pembelajaran yang telah dilalui serta kemampuan individu berkenaan dengan aspek pendidikan, kelayakan dan sosialiasasi.

Gaya pembelajaran bermula dari pendidikan awal di pra sekolah sehinggalah ke alam universiti untuk dipraktikkan. Oleh itu, hasil kajian oleh Liew (2009) menunjukkan bahawa gaya pembelajaran akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik dan beliau mencadangkan adalah sesuai jika gaya pembelajaran bagi setiap pelajar diuji. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji apakah gaya pembelajaran yang diamalkan dalam kalangan pelajar OUM jurusan sarjana muda psikologi tahun ketiga.


TINJAUAN LITERATUR

Kecemerlangan akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar dalam semua peringkat, dari alam persekolahan hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Pelajar cemerlang dalam akademik di peringkat Universiti dikategorikan sebagai mereka yang mencapai prestasi CGPA melebihi 3.5. Secara amnya gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Terdapat pelbagai teori dan model gaya pembelajaran yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan yang dapat dipraktikkan dan dijadikan sebagai panduan. Demikian itu, gaya pembelajaran oleh para pelajar OUM dikaji dan beberapa kaedah gaya pembelajaran harus dicadangkan untuk meningkatkan

lagi mutu proses pembelajaran. Maka, dalam bab ini akan membincangkan teori konseptual dan pembentangan beberapa kajian lalu berkaitan gaya pembelajaran.

i) Teori Konseptual Kajian

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Menurut Crow (2012) gaya pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, maka pemilihan gaya belajar yang efektif merupakan suatu tugas yang berat. Terdapat pelajar yang bergantung kepada pembelajaran melalui pengajaran guru dan ada pula yang memberi banyak penekanan pada pembelajaran secara sendiri. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menentukan adakah faktor demografi mempengaruhi amalan gaya pembelajaran pelajar tersebut. Secara amnya, dalam teori konseptual dalam elemen pemboleh ubah sandar adalah gaya pembelajaran, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula melibatkan jantina, umur dan bangsa. Gambar rajah menunjukkan teori konseptual pengkaji. Gambar rajah menunjukkan teori konseptual pengkaji.



Rajah 2.0: Rajah Teori konseptual

2.1 Kajian literatur

Terdapat beberapa kajian lalu yang telah membincangkan mengenai gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar. Demikian itu, ada berpendapat bahawa pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan sekiranya pengajaran pengajar sejajar dengan gaya pembelajaran pelajar. Manakala Keri (2009) pula menyatakan bahawa, lelaki dan perempuan mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza di antara satu sama lain. Terdapat pelajar yang gemar belajar berseorangan dan terdapat juga yang suka belajar secara berkumpulan. Ada juga pelajar yang suka belajar dengan mendengar syarahan atau penerangan oleh guru serta ada juga yang lebih gemar dengan membuat pemerhatian dan nota semasa belajar.

Dalam kajian oleh Yahaya (2010), beliau menyatakan terdapat hubungan yang signifikan di antara perbezaan gaya pembelajaran dengan latar belakang keluarga dan juga terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar.

2.1.1 Kajian gaya pembelajaran dalam negara.

Menurut kajian yang mengkaji kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti yang dijalankan oleh Alias (2010) menunjukkan keseluruhannya tahap kemahiran belajar pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia berada pada tahap sederhana. Kajian ini melibatkan seramai 310 orang responden yang terdiri daripada 82 orang lelaki dan 228 orang perempuan pelajar tahun dua hingga akhir program Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai pengkhususan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi

Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala empat mata bagi mengukur lima kategori gaya pembelajaran dan enam aspek kemahiran belajar. Azizi (2009) yang mempunyai beberapa objektif khas iaitu untuk mengetahui adakah terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar, mengenal pasti gaya pembelajaran manakah yang sepatutnya diberi tumpuan atau keutamaan oleh pelajar serta apakah hubungan di antara faktor keluarga, pengajaran guru dan rakan sebaya dengan gaya pembelajaran memberikan dapatan kajian yang berbeza.

2.1.2 Kajian gaya pembelajaran luar negara.

Kajian Hodges (2009) ke atas sekolah-sekolah menengah di Amerika pula mendapati 90.0% daripada pengajaran di kelas tradisional lebih berorientasikan cara auditori. Dunn dan Dunn (1978) dan Price (1979) juga menganggarkan kira-kira 90.0% daripada arahan di kelas dibuat menggunakan kaedah kuliah dan soal jawab (auditori). Sehubungan dengan ini, O'Dwyer (2010) yang menilai seramai 6,000 orang penutur asli Bahasa Inggeris mendapati 80.0% daripada arahan dibuat secara auditori sedangkan sebenarnya, kurang dari 10.0% dari mereka mempunyai cara ini sebagai gaya pembelajaran terbaik mereka. Melalui kajian Jonassen (2010) strategi pengajaran dan aktiviti dalam kelas digunakan. Manakala dalam kajiannya yang dibuat oleh dalam 'Learning Styles in Virtual Learning Environments', beliau mendapati 76% pelajar mempunyai gaya pembelajaran visual, 20% pelajar berkecenderungan kepada gaya pembelajaran kinestetik dan 4% pelajar mengamalkan gaya pembelajaran auditori. Menurut Klavas (2012) dalam 'The Effect of Learning Styles on Achievement in Different Learning Environments' membincangkan perihai kajian mereka mengenai kesan gaya pembelajaran kepada pencapaian pelajar dalam persekitaran berbeza. Seperti yang dijelaskan oleh Gono (2014) kurikulum pendidikan tradisional menyokong gaya pembelajaran lelaki lebih daripada wanita. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji gaya pembelajaran yang paling digemari oleh para pelajar OUM serta memberi cadangan yang baik untuk memilih gaya pembelajaran yang lebih berkesan.

METODOLOGI

1. Pengenalan

Pengkaji akan membincangkan metodologi bagi kajian ini termasuk reka bentuk kajian yang bakal digunakan. Selain itu, pengkaji turut menjelaskan lokasi yang akan dipilih, populasi serta teknik persampelan yang akan dipilih berserta kaedah pengumpulan dan jenis statistik bertujuan penganalisaan data yang akan dilakukan sepanjang kajian ini. Pengkaji juga akan membincangkan jenis instrumen kajian, dua aspek variabel yang terlibat dalam kajian yang akan dijalankan.

2. Reka bentuk Kajian

Pengkaji telah memilih reka bentuk penyelidikan secara jenis kuantitatif iaitu teknik survei. Reka bentuk ini dipilih kerana data mudah diperolehi dalam kalangan pelajar OUM Perak. Memandangkan pengkaji juga merupakan sebahagian daripada pelajar OUM cawangan Ipoh, maka proses edaran soalan soal selidik mudah dilaksanakan. Reka bentuk ini juga dipilih kerana diharap dapat menentukan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar OUM Ipoh.

3. Lokasi Kajian

“Open University Malaysia” atau OUM merupakan salah satu Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang semakin popular di negara Malaysia dengan program pendidikan jarak jauh. Sehubungan dengan itu, pengkaji memilih OUM untuk menjalankan kajian ini kerana untuk mengetahui gaya pembelajaran yang paling digemari oleh para pelajar. Memandangkan juga bahawa pengkaji merupakan pelajar di OUM cawangan Ipoh, maka proses pelaksanaan kajian mudah dilaksanakan.

4. Populasi dan Sampel Kajian

Terdapat seramai lebih kurang 200 pelajar yang baru melanjutkan pelajaran di OUM Perak. Bagi setiap semester, sekurang-kurangnya 30 pelajar mengikuti program psikologi. Oleh itu pada tahun 2018 dan 2019 seramai hampir 100 pelajar didaftarkan untuk mengikuti jurusan psikologi ini. Oleh itu, bagi menentukan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh para pelajar jurusan psikologi, pengkaji hanya memilih seramai 80 daripada jumlah keseluruhan pelajar secara rawak yang didaftar masuk ke OUM Ipoh pada tahun 2018 dan 2019. Pengkaji akan menggunakan kaedah Morgan dan Krejcie (1970) untuk memilih sample. Secara amnya terdapat dua jenis persampelan iaitu persampelan bukan kebarangkalian dan persampelan kebarangkalian. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menggunakan persampelan jenis kebarangkalian teknik rawak mudah (simple random).

5. Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji akan menjalankan kaedah soal selidik kerana kaedah ini adalah kaedah yang paling sesuai dan mudah untuk tujuan pengumpulan data dan penganalisaan data secara deskriptif bagi menjawab persoalan kajian dalam penyelidikan ini. Oleh itu, borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua kategori bahagian iaitu Bahagian A yang melibatkan data demografik responden serta Bahagian B melibatkan gaya pembelajaran yang digemari oleh pelajar-pelajar OUM seperti yang dinyatakan di Lampiran 1: Borang Soal Selidik.

a) Bahagian A

Bahagian A ini melibatkan item data yang berkaitan demografik para responden. Bahagian ini hanya meliputi 3 item sahaja iaitu data berkaitan bangsa, jantina, dan umur responden. Tujuan data demografik dikumpul adalah untuk mengetahui secara am taburan peratusan dan skor min serta akan digunakan untuk menentukan hubungannya dengan kaitan gaya pembelajaran dengan faktor demografik responden.

b) Bahagian B

Manakala pada Bahagian B pula adalah berkaitan dengan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh para responden. Justeru itu, dalam aspek ini pengkaji memilih contoh soal selidik yang telah diadaptasikan dari Reid (2012). Dalam aspek ini terdapat 21 item disenaraikan untuk responden menjawab mengikut jawapan dua pilihan iaitu ya atau tidak. Manakala hasil dapatan yang memberikan jumlah skor min tertinggi akan menentukan gaya pembelajaran yang paling digemari dalam kalangan pelajar jurusan psikologi tersebut. Hasil analisis kesahan, pengkaji memperoleh nilai sebanyak 0.85 bermakna item soal selidik adalah sesuai digunakan dalam kajian ini.

6. Pengumpulan Data

Bagi mengumpul data dalam kajian ini, pengkaji menggunakan jenis cara kolektif data. Pengkaji memilih kaedah ini bagi memudahkan data dikumpul dalam masa yang cepat dan tepat. Teknik ini juga dapat membantu pengkaji mengekalkan kerahsiaan dan kesahihan yang lebih tepat. Oleh itu, pengkaji akan mengedarkan dan mengumpul borang soal selidik secara

sendiri. Pengkaji juga perlu terlebih dahulu untuk melaksanakan kajian rintis dari beberapa pihak. Pengkaji hanya akan mula mengagihkan borang soal selidik setelah mendapat kebenaran daripada pihak Pengarah OUM Ipoh serta setelah memohon konsen dari pihak responden.

7. Penganalisan Data

Statistik merupakan alat bantuan kajian yang utama digunakan untuk menganalisis dan menghurai perkaitan antara variabel-variabel dalam kajian. Oleh itu, terdapat dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Maka dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis kedua-dua jenis statistik ini iaitu statistik deskriptif. Maka dalam aspek ini, pengkaji akan menghuraikan ciri-ciri variabel kajian iaitu dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min. Malah, statistik inferensi pula melibatkan penggunaan pengujian hipotesis jenis Pekali Pearson untuk menjelaskan perkaitan antara variabel kajian yang hendak dikaji. Bagi menjelaskan hasil dapatan, data yang dikumpul tersebut akan dianalisis dengan menggunakan kaedah perisian '*Statistical Program for Social Science*' (SPSS) versi 21.0.

8. Kajian Rintis

Terlebih dahulu pengkaji perlu melakukan kajian rintis yang akan melibatkan 5 orang responden yang terdiri daripada pelajar jurusan psikologi tahun kedua dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim. Hasil dapatan kajian ini akan menentukan kesahihan borang soal selidik yang bakal digunakan dalam kajian sebenar nanti berdasarkan nilai alpha yang diperoleh nanti.


9. Pertimbangan Etika

Bagi menyempurnakan kajian ini, nilai pertimbangan etika turut diberi perhatian dalam hal ini. Kajian ini akan bermula pada September 2019 dan dijangka berakhir pada bulan April 2020. Borang soal selidik akan diagihkan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Pengarah OUM Ipoh dimana sampel kajian diperoleh. Bagi mengekalkan kerahsiaan responden, borang soal selidik tersebut akan diagihkan dan dikumpul sendiri oleh pengkaji sebaik sahaja ianya telah lengkap diisi oleh para responden tanpa biodata yang spesifik. Hasil kajian ini akan dikekalkan kerahsiaannya serta tidak akan dihebah atau didedahkan tanpa persetujuan pihak OUM. Segala bentuk kajian adalah untuk memenuhi tujuan pembelajaran semata-mata.

KEPUTUSAN EMPIRIKAL


Kajian ini merangkumi sebanyak N=80 pelajar jurusan psikologi Universiti Terbuka Malaysia di Pusat Pembelajaran Perak yang melibatkan n=34 orang pelajar adalah pelajar lelaki manakala n=46 orang terdiri daripada pelajar perempuan. Sebanyak 80 borang soal selidik bertajuk gaya pembelajaran yang paling digemari diedarkan kepada pelajar jurusan psikologi di Universiti Terbuka Malaysia (OUM) cawangan Perak. Justeru itu, berikut adalah hasil analisis kajian yang melibatkan secara deskriptif serta inferensi bagi bahagian A dan bahagian B.

Carta Pai 1 menunjukkan bahawa taburan data demografi jantina pelajar jurusan psikologi Universiti terbuka Malaysia cawangan Perak di mana pelajar lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 34 orang (42.5%) dan majoriti responden dalam kajian ini adalah pelajar perempuan yang meliputi sebanyak 46 Orang (57.5%).



Carta Pai 1: Taburan Jantina Pelajar Jurusan Psikologi OUM, Perak

Manakala aspek yang terakhir dalam Bahagian A ialah berkaitan bangsa responden. Justeru itu, hasil dari rumusan borang soal selidik didapati seramai n=39 orang pelajar jurusan psikologi cawangan Perak adalah dari bangsa Melayu yang merangkumi sebanyak 49.37%. Manakala terdapat seramai n=26 orang responden (32.91%) adalah dari pelajar berbangsa Cina. Terdapat seramai n=13 (15.19%) orang responden adalah berbangsa India. Seterusnya, terdapat seramai n=2 (2.53%) orang responden yang berbangsa lain-lain.



Carta Pai 2: Taburan Bangsa Pelajar Jurusan Psikologi OUM, Perak

Item terakhir yang digunakan pengkaji dalam Bahagian A adalah berkaitan bangsa responden dimana terdapat seramai 39 (49.3%) orang pelajar adalah berbangsa Melayu. Manakala terdapat seramai n=26 (32.91%) orang pelajar adalah berbangsa Cina manaka n=13 (2.53%) adalah pelajar India.

Bahagian B : Gaya pembelajaran yang digemari dalam kalangan pelajar OUM

Apakah gaya pembelajaran yang paling digemari dalam kalangan pelajar?

Jadual 1 : Skor Min dan Sisihan Piawai berkaitan gaya pembelajaran yang digemari dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi di OUM cawangan Perak

Gaya pembelajaran yang paling digemari:	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
Auditori:		
1) Saya boleh mengingat sesuatu yang diajar oleh pengajar dengan kaedah mendengar.	2.61	0.75
8) Saya boleh memberitahu jika bunyi sepadan apabila dibentangkan dengan bunyi yang lain.	2.83	0.75
11) Saya boleh menjadi cemerlang dengan kaedah mendengar pengajaran dan 'tapes'.	2.81	0.92
12) Saya boleh mengeja dengan betul jika mengulangi perkataan tersebut dengan kuat dan bertulis di atas kertas.	2.63	0.89
16) Saya suka mendengar syarahan pengajar daripada membacanya dalam buku teks.	2.65	0.78
19) Saya cenderung kepada mendengar berita dalam radio daripada membacanya.	2.46	0.77
21) Saya cenderung mengikuti arahan bertutur daripada menulis.	2.45	0.85
JUMLAH MIN	18.44	
Visual :		
2) Saya lebih cenderung dengan sesuatu informasi bertulis di papan hitam dengan gambar dan diikuti dengan pembacaan.	3.66	0.85
4) Saya suka menggunakan poster, model dan melakukan aktiviti lain dalam kelas.	3.31	0.93
5) Saya suka penerangan melalui gambar rajah dan graf.	3.41	0.97
10) Saya senang memahami dan mengikuti arahan dalam peta.	3.21	0.92
13) Saya boleh memahami petikan berita dengan baik dengan membacanya daripada mendengar di radio.	3.20	0.89
15) Saya boleh mengingat sesuatu dengan menggambarannya.	3.38	1.06
20) Saya suka mengumpul informasi subjek yang diminati dengan membacanya lebih mendalam.	3.31	1.07
JUMLAH MIN	23.48	
Kinestetik:		
3) Saya suka mengambil nota dengan cara melakar gambar.	2.69	0.96
6) Saya suka melakukan kerja dengan menggunakan tangan atau melakukan sesuatu.	2.68	0.92
7) Saya mahir dan meminati dengan membuat graf dan carta.	2.63	0.96
9) Saya boleh mengingat sesuatu dengan menulis nota.	2.55	0.96
14) Saya makan gula-gula atau snek semasa belajar.	2.29	0.95
17) Saya lebih cenderung untuk menyelesaikan masalah dalam bentuk 'puzzles'.	2.21	0.89
18) Saya suka memegang sesuatu objek semasa belajar.	2.08	0.88
JUMLAH MIN	17.13	

Menurut Jadual 1 di atas, secara keseluruhannya, gaya pembelajaran yang paling digemari dalam kalangan pelajar jurusan psikologi di OUM cawangan Perak ialah jenis visual iaitu dengan jumlah Min sebanyak 23.48. Manakala, yang kedua pula ialah gaya pembelajaran jenis auditori yang digemari dalam kalangan pelajar dengan markah sebanyak 18.44 iaitu kurang 5.04 nilai min daripada gaya pembelajaran jenis visual. Gaya pembelajaran jenis kinestetik pula menjadi tempat ketiga pilihan para pelajar dengan markah Min sebanyak 17.13 iaitu 1.31 nilai min kurang dari gaya pembelajaran jenis auditori.

Data Inferensi

Adakah terdapat hubungan antara faktor jantina dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar?

	jantina	mingaya
Pearson Correlation	1	-.305**
Sig. (2-tailed)		.006
N	80	80

Jadual 2: Ujian hubungan antara jantina dan gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar OUM cawangan Perak

Jadual 2 di atas menunjukkan ujian Pearson R untuk melihat hubung kait faktor demografi dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar. Oleh itu, hasil keputusan kajian ini menunjukkan faktor demografi dari segi jantina responden mempunyai signifikan dengan gaya pembelajaran yang paling digemari dengan nilai $P < 0.05$ iaitu sebanyak 0.006.

Adakah terdapat hubungan antara faktor umur dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar?

	Nilai	df	p
Pearson Chi-Square	37.995 ^a	38	.470
Likelihood Ratio	46.690	38	.157
Linear-by-Linear Association	.001	1	.981
N	80		

Jadual 3 menunjukkan ujian Pearson Chi-Square untuk melihat tahap korelasi antara umur dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi cawangan Perak . Oleh itu, hasil keputusan kajian ini mendapati bahawa nilai ujian ini adalah sebanyak 0.47 iaitu melebihi dari nilai $P < 0.05$. Oleh itu, faktor demografi dari aspek umur tidak mempengaruhi gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar.

	Nilai	df	p
Pearson Chi-Square	89.538 ^a	57	.004
Likelihood Ratio	60.409	57	.354
Linear-by-Linear Association	.690	1	.406
N	80		

Jadual 4 menunjukkan ujian *Pearson Chi-Square* untuk menentukan tahap korelasi antara faktor bangsa dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi cawangan Perak. Oleh itu, hasil keputusan kajian ini mendapati bahawa nilai ujian ini adalah sebanyak 0.004 iaitu kurang daripada nilai $P < 0.05$. Oleh itu, kita dapat merumuskan bahawa faktor demografi dari aspek bangsa adalah signifikan dan mempengaruhi gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar.

KONKLUSI

Secara amnya, majoriti peringkat umur dalam kajian ini adalah pada peringkat 20 hingga 30 tahun iaitu seramai 42 orang pelajar. Manakala dari aspek bangsa responden dimana terdapat seramai 39 orang pelajar berbangsa Melayu yang merangkumi sebanyak 49.37%. Manakala terdapat seramai 26 orang pelajar adalah berbangsa Cina iaitu sebanyak 32.91% serta pelajar berbangsa India pula seramai 13 orang iaitu sebanyak 15.19%. Malah, terdapat 2 orang pelajar yang terdiri dari lain-lain bangsa iaitu sebanyak 2.53%.

Hasil kajian ini mendapati bahawa gaya pembelajaran yang paling digemari dalam kalangan pelajar OUM cawangan Perak ialah gaya pembelajaran jenis visual diikuti pula dengan auditori dan yang terakhir ialah kinestetik. Malah, hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan antara faktor demografi dari segi bangsa dan jantina pelajar adalah signifikan dan mempengaruhi gaya pembelajaran kerana memperoleh nilai kurang dari nilai $P < 0.05$.

Secara kesimpulannya, pengkaji mengenalpasti bahawa faktor demografi bangsa dan jantina mampu mempengaruhi gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi OUM Perak. Malah, pengkaji juga dapat menjelaskan bahawa ketiga-tiga jenis gaya

pembelajaran tersebut digunakan oleh para pelajar mengikut tahap kesesuaian masing-masing tetapi gaya pembelajaran jenis visual menjadi pilihan yang tertinggi.

Cadangan

1. Menambahbaikan polisi pendidikan dan pembelajaran

Polisi pendidikan dalam aspek gaya pembelajaran boleh ditambah baik untuk memudahkan pengajian para pelajar. Para pelajar mampu mengurus dan memilih mod pengajian berdasarkan minat dan keupayaan masing-masing lebih-lebih lagi dalam waktu pengajian yang fleksibel. Pelajar boleh mencadangkan kepada pihak pengurusan untuk menyediakan mod gaya pembelajaran yang digemari.

2. Memaksimumkan pengintegrasian ICT (Information & Communication Technology)

Pihak pengurusan universiti perlu memaksimumkan pengintegrasian ICT dalam penyusunan dan penginovasian pendidikan sejajar dengan kepesatan era teknologi. Warga pendidik perlu menjadikan *Facebook* sebagai salah satu wadah perbincangan yang seterusnya dapat memartabatkan ICT dan membudayakan e-pembelajaran.

3. Pengkorporatan Universiti

Langkah pengkorporatan universiti-universiti tempatan bertujuan mengurangkan tanggungan kerajaan bagi membiayai perbelanjaan pengajian tinggi bahkan menjadikan sektor pendidikan di negara ini lebih dinamis.

4. Mempelbagaikan kemudahan dan fasiliti universiti

Kewujudan kepelbagaian makmal, bilik kuliah, bilik tutorial, bilik ICT dan sebagainya dapat menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif. Malah, kewujudan makmal latihan dan ruang kemahiran perlu dititikberatkan bagi memudahkan para pelajar melakukan latihan secara hands-on bagi subjek tertentu. Selain itu, pihak universiti juga perlu meluaskan perkhidmatan WIFI dalam kampus.

5. Mengkaji kualiti sesi pengajaran yang dilaksanakan OUM secara berkala

IPT sentiasa berusaha untuk memastikan kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara. Semakan kurikulum dibuat dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) berdasarkan keperluan bidang pengajian.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini ialah berkaitan gaya pembelajaran yang paling digemari dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi di OUM cawangan Perak dimana lokasi kajian ini ialah di pusat pembelajaran Ipoh. Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dengan kaedah survei yang melibatkan populasi kajian seramai N=80 orang responden. Kajian ini dilakukan dengan edaran borang soal selidik yang merangkumi Bahagian A dan Bahagian B. Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti gaya pembelajaran yang digemari oleh pelajar jurusan Psikologi serta hubungan antara faktor demografi dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar. Hasil keputusan kajian dianalisis dan diuraikan dalam bentuk jadual dan carta. Maka, faktor demografi jantina dan bangsa mempunyai signifikan dengan gaya pembelajaran yang digemari oleh pelajar tersebut dengan nilai skor ialah 0.00 iaitu di bawah nilai $P < 0.05$. Disamping itu, gaya pembelajaran yang paling digemari oleh pelajar ialah gaya pembelajaran jenis visual yang mendahului jumlah min yang paling tinggi dengan jumlah sebanyak 23.48. Oleh itu, pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan proses

pembelajaran para pelajar seperti menambahbaik polisi pendidikan, memaksimumkan pengintergrasian ICT, pengkorporatan universiti, mempelbagaikan kemudahan serta fasiliti universiti dan mengkaji kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran

Rujukan

Alias, N. (2010).Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Lepas Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Pendidikan MPBL*. Jilid 6.

Azizi Hj. Yahaya, Mohd. Najib Ghaffar, Noraizah Damiri (2009). *Kajian Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia.

Gono, K. (2014). *Gaya Pembelajaran Pelajar Kursus Kejuruteraan Di Institut Teknologi Perindustrian YPJ JB*. Tesis Sarjana Muda. UTM, Johor.

Jonassen, D. & Grabowski, B. (2010). *Handbook of Individual Differences, Learning & Instruction*. Hillsdale, New Jersey:Lawrence Erlbaum Associates.

Keri, G. (2009). *Male and Female Collage Student's Learning Styles Differ: An Opportunity for Instruction Diversification.1*.

Klavas, A. (2012). Learning Style Program Boosts Achievement And Test Scores. *Clearing House*. Vol. 67(3): 149.

O'Dwyer, A. (2010). *Analysis Of Engineering Students Learning Styles On Level 7, Level 8 And Level 9 Programmes*. 3rd International Symposium for Engineering Education. University College Cork, Ireland.

Yahaya, A. & Abdul Karim, S. (2010). *Kajian Hubungan Di antara Gaya pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram*. Universiti Teknologi Malaysia.

Yusof, R. et al. (2012). *Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan Pengalaman Berasaskan Model Kolb*, Jurnal Pendidikan 30 (2005) 113 - 128 113, UTM.

Willingham, D.T. (2009). Do visual, auditory, and kinesthetic learners need visual, auditory, and kinesthetic instruction? *American Educator*, 29(2), 31-35.